BAHASA MELAYU
Kertas 1
NOVEMBER
2 Jam
UJIAN DIAGNOSTIK 3
2022

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT.** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

BAHAGIAN A

[30 *Markah*]

Maklumat di bawah berkaitan dengan pencemaran alam.

Huraikan **pendapat** *anda tentang* **cara-cara menjaga alam sekitar.**

Panjang huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**

Kuala Lumpur – penghasilan sampah harian dalam kalangan rakyat negara ini mencatat peningkatan 100.75 peratus kepada 38,142 tan pada tahun 2018, berbanding 19,000 tan pada tahun 2005. Berdasarkan angka dikeluarkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), seorang rakyat dianggar menghasilkan 1.17 kilogram (kg) sampah sehari pada tahun 2018, berbanding 0.8 kg (2005).

Sumber : Berita Harian

BAHAGIAN A

CADANGAN JAWAPAN:

Tugasan:

Diharapkan calon dapat menulis karangan tentang **cara-cara menjaga alam sekitar.**

Panjang karangan antara 150-200 patah perkataan.

Diharapkan calon dapat menulis karangan berdasarkan maklumat yang terdapat dalam semua bahan yang diberikan.

Isu: penjagaan alam sekitar

Kehendak soalan: cara-cara menjaga alam sekitar.

Format: Umum

1. Cadangan Pendahuluan: **(Bahan 1)**
   - Menyatakan tentang alam sekitar

2. Cadangan isi: cara-cara menjaga alam sekitar

   (Bahan 2 – dijadikan contoh bagi isi 2)
   - Mewujudkan / mengadakan teknologi hijau
   - Mengurangkan pembuangan sampah oleh pengguna
   - Memastikan sisa pepejal diuruskan dengan berkesan

3. Cadangan Penutup:
   - Harapan : alam sekitar mesti dipelihara agar persekitaran tidak tercemar

BAHAGIAN B

1

"Berdasarkan pemerhatian saya, sikap orang ramai masih belum berubah kerana sifat-sifat yang baik seperti belas ihsan, sopan santun, sabar, merendah diri, toleransi dan hormat-menghormati belum menjadi cara hidup kita. Lebih banyak lagi perlu dilakukan untuk menyemai nilai-nilai murni ini dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya generasi muda."

Dipetik daripada ucapan
Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye
Utusan Malaysia 12 Julai 2018

Sebagai respons terhadap kandungan ucapan di atas, setiap individu perlu memainkan peranan untuk menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat. Jelaskan peranan-peranan tersebut.

CADANGAN JAWAPAN

Tugasan:

Diharapkan calon dapat menulis karangan tentang **peranan-peranan yang perlu dilakukan oleh individu** untuk menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Panjang karangan antara 350-500 patah perkataan.

Isu : menyemai nilai-nilai murni

Kehendak soalan: peranan individu

Format : tiada

CADANGAN ISI:

1. Mempelajari nilai-nilai murni melalui ajaran agama dan moral yang secukupnya.
2. Nilai-nilai murni boleh diperoleh di sekolah melalui mata pelajaran yang diajarkan oleh guru.
3. Melalui pembelajaran tingkah laku yang positif dalam sesebuah masyarakat.
4. Mencontohi perwatakan ibu bapa atau keluarga.
5. Penyertaan dalam program-program motivasi yang dianjurkan oleh pelbagai pihak.

2

.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Khazanah Research Institute (KRI), sektor pertanian dan perhutanan merupakan salah satu sektor yang paling kurang mendapat sambutan dalam kalangan pelajar di sekolah manakala bagi para pelajar dalam pendidikan peringkat tinggi, kajian juga menunjukkan bahawa minat mereka kurang untuk bekerja dalam sektor pertanian dan perhutanan.

Sumber : https://www.malaysianow.com

Petikan akhbar di atas menerangkan bahawa kerjaya dalam sektor pertanian dikatakan kurang diminati oleh generasi muda.

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang pertanian.

CADANGAN JAWAPAN

Tugasan:

Diharapkan calon dapat menulis karangan tentang **usaha-usaha** yang seharusnya dilakukan untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Panjang karangan antara 350-500 patah perkataan.

Isu : bidang pertanian

Kehendak soalan: usaha-usaha menarik minat generasi muda

Format : tiada

CADANGAN ISI:

1. **Pihak kerajaan** hendaklah menjalankan kempen tentang kepentingan sektor pertanian kepada golongan muda.
2. **Ibu bapa** perlu mendedahkan anak-anak dengan bidang pertanian sejak kecil lagi.
3. **Pihak bank** perlu memberi pinjaman dan modal kepada generasi muda.
4. **Media massa** perlu menyiarkan dokumentari, risalah dan lain-lain tentang kelebihan sektor pertanian.
5. **Pihak sekolah** - melaksanakan program atau persatuan berkaitan pertanian.

KEMUNGKINAN JAWAPAN :

1. Calon menghuraikan usaha pelbagai pihak tetapi aspek yang sama – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan satu pihak sahaja – maksimum peringkat KEPUJIAN.
3. Calon tidak menyatakan pihak / umum – maksimum peringkat KEPUJIAN.
4. Calon menghuraikan satu pihak sahaja tetapi pelbagai usaha - maksimum peringkat KEPUJIAN.

3

Profesion perguruan atau bekerja sebagai guru adalah antara beberapa jenis pekerjaan yang penting dalam proses pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Dalam era globalisasi sekarang, peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar. Oleh hal yang demikian seorang guru perlulah mempunyai integriti, berilmu, bertanggungjawab, mengemaskinikan pengetahuan dan menguasai kemahiran terkini. Hal ini penting kerana mereka merupakan arkitek utama dalam membangunkan manusia yang berilmu dan berakhlak mulia .

Sumber: Internet

Berikan pendapat anda.

<u>CADANGAN JAWAPAN</u>

Tugasan:

Diharapkan calon dapat menulis karangan tentang **tanggungjawab atau ciri-ciri** seorang guru.

Panjang karangan antara 350-500 patah perkataan.

Isu : kerjaya guru

Kehendak soalan: tanggungjawab /ciri-ciri seorang guru

Format : tiada

CADANGAN ISI:

Pendahuluan

- Kerjaya sebagai seorang guru merupakan satu kerjaya yang unik dan tersendiri..

- Guru mampu memikul tanggungjawab yang berat dalam mendidik anak bangsa serta membentuk murid-murid dari segi fizikal, emosi, rohani, intelek selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Cadangan isi : Tanggungjawab/peranan Guru

- Peranan guru sebagai tunjang utama dalam memperkasakan dan memajukan bidang pendidikan di negara ini yang diiktiraf bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, jurutera sosial, penyubur perpaduan, pencorak minda, pembangun sahsiah malah sebagai agen perubahan.

- Tugas guru bukan mudah dan menuntut kecekalan dan semangat mendidik yang tinggi kerana guru merupakan orang yang paling bertanggungjawab selepas ibu bapa dalam memberi didikan, pedoman dan bimbingan kepada anak-anak bangsa.

- Guru bertindak sebagai pencetus dan penggerak kepada proses transformasi sistem pendidikan negara dalam usaha melahirkan generasi masa depan yang berintelek, berdaya saing, berjati diri kukuh dan berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai sejagat.

- Guru merancang aktiviti pelajar berdasarkan sukatan pelajaran dan melaksanakannya dalam bilik darjah mengikut strategi pengajaran yang sesuai.

- Guru berperanan sebagai pendisiplin yang bertanggungjawab menjaga disiplin pelajar serta membantu mereka membentuk sahsiah dan kelakuan yang sejajar dengan nilai dan norma masyarakat.

- **Ciri-ciri seorang guru** – **isi daripada bahan dan juga boleh beri idea sendiri**

Penutup

- Sesungguhnya, peranan guru adalah sangat signifikan, penting dan relevan kerana mereka sangat dekat dengan jiwa anak-anak bangsa.
- Seorang guru akan memberikan kesan yang sangat positif dalam usaha pembentukan elemen negara bangsa dalam kalangan anak-anak murid yang bakal mencorak kepemimpinan negara pada masa hadapan.

4.

Pemimpin merupakan individu yang boleh memberikan pengaruh kepada individu yang lain dalam sesuatu pertubuhan. Sesuatu yang menarik dalam kepimpinan adalah kewujudan pemimpin yang berada dalam organisasi yang mempunyai struktur yang tersendiri dengan mewujudkan hubungan pemimpin dan pengikut bagi mencapai kecemerlangan.

Sumber : Wikipedia

Sebagai respons daripada bahan di atas, bincangkan ciri-ciri seorang pemimpin yang baik dan disegani.

CADANGAN JAWAPAN

Tugasan:

Diharapkan calon dapat menulis karangan tentang ciri-ciri seorang pemimpin yang baik dan disegani.

Tema : Pemimpin yang baik dan disegani.

Kehendak soalan: Ciri-ciri seorang pemimpin yang baik dan disegani.

Format : Tiada

1. Cadangan Pendahuluan :

- Faedah mempunyai seorang pemimpin

2. Cadangan Isi

-Menjalankan tugas dengan amanah dan bertanggungjawab.

-Bijak dalam membuat sesuatu keputusan.

-Prihatin terhadap sesuatu permasalahan yang berlaku.

-Boleh menerima teguran dan sentiasa membaiki diri

3. Cadangan Penutup:

- Harapan: Pemimpin boleh memimpin organisasi dan orang bawahannya

Bahagian A:
Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	**26-30** (28-30) (26-27)	**Tema-Tugasan** ● Karangan **menepati** tugasan bahan rangsangan. **Idea** ● Idea **relevan** dengan tema bahan rangsangan / tugasan. ● Huraian **jelas** dan **matang**. **Bahasa** ● Bahasa **gramatis** dari segi kata dan ayat. ● Penggunaan kosa kata **luas** dan **tepat.** ● Unsur bahasa yang digunakan **bervariasi**. ● Penggunaan ungkapan menarik yang **sesuai** dan **tepat**. ● Ejaan yang **betul** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. ● Penggunaan tanda baca **betul** dan **tepat**. **Pengolahan** ● Pengolahan **menarik** dan **berkesan**. ● Laras bahasa **sesuai** mengikut tugasan. ● Wacana **lengkap**. ● Pemerengganan **sesuai.** ***Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.**
Kepujian	**20-25** (23-25) (20-22)	**Tema-Tugasan** ● Karangan **menepati** tugasan bahan rangsangan. **Idea** ● Idea **relevan** dengan tema bahan rangsangan / tugasan. ● Huraian **jelas**.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		Bahasa ● Bahasa **gramatis** dari segi kata dan ayat. ● Penggunaan kosa kata **luas.** ● Unsur bahasa yang digunakan **bervariasi**. ● Ejaan yang **betul** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. ● Penggunaan tanda baca **betul** dan **tepat**. **Pengolahan** ● Pengolahan **menarik.** ● **Laras** bahasa **sesuai** mengikut tugasan. ● Wacana **lengkap**. ● Pemerengganan **sesuai.**
Memuaskan	**15 - 19** (17 - 19) (15 - 16)	**Tema-Tugasan** ● Karangan **masih** menepati tugasan bahan rangsangan. **Idea** ● Idea **masih** relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan. ● Huraian **masih** jelas. **Bahasa** ● Bahasa **masih** gramatis dari segi kata dan ayat. ● Penggunaan kosa kata **masih** luas / terhad. ● Unsur bahasa yang digunakan **masih** bervariasi. ● Ejaan **masih** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat **kesalahan** ejaan yang **ketara**. ● Penggunaan tanda baca **masih** betul dan tepat. **Pengolahan** ● Pengolahan **masih** menarik**.** ● Laras bahasa **masih** sesuai mengikut tugasan. ● Wacana **masih** lengkap. ● Pemerengganan **masih** sesuai**.**
Penguasaan Minimum	**10 - 14** (12 - 14) (10 - 11)	**Tema-Tugasan** ● Karangan **kurang** menepati tugasan bahan rangsangan. **Idea** ● Idea **kurang** relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan. ● Huraian **kurang** jelas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		Bahasa ● Bahasa **kurang** gramatis dari segi kata dan ayat. ● Kesalahan-kesalahan tatabahasa **ketara**. ● Penggunaan kosa kata **terhad**. ● Unsur bahasa yang digunakan **kurang** bervariasi. ● Ejaan **masih** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat **kesalahan** ejaan yang **ketara**. ● Penggunaan tanda baca **masih** betul dan tepat. **Pengolahan** ● Pengolahan **kurang** menarik**.** ● Laras bahasa **kurang** sesuai mengikut tugasan. ● Wacana **kurang** lengkap. ● Pemerengganan **kurang** sesuai**.**
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	**1 - 9** (6 - 9) (1-5)	● Calon **tidak** menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. ● **Idea tidak menepati tema** bahan rangsangan / tugasan. ● **Banyak kesalahan bahasa** dari segi **kata** dan **ayat**.

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

[70 *markah*]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	**64-70** (68-70) (64-67)	**Tugasan** ● Karangan **menjawab** tugasan. **Idea** ● Idea **relevan** mengikut tugasan. ● Huraian **jelas** dan **matang**. ● Contoh yang **sesuai**. **Bahasa** ● Penggunaan **pelbagai** jenis ayat yang **gramatis**. ● Penggunaan **pelbagai** jenis kata yang **luas** dan **tepat.** ● Penggunaan kosa kata yang **luas** dan **tepat.** ● Ejaan dan tanda baca yang **betul**. ● Penggunaan unsur bahasa **bervariasi**. ● Gaya bahasa **amat menarik** dari segi keindahan bahasa dan **penggunaan ungkapan** seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. **Pengolahan** ● Pengolahan **sangat menarik** dan **berkesan**. ● Pemerengganan yang **sesuai.** ● Wacana **lengkap** dan terdapat kesinambungan yang **jelas** antara perenggan. ● **Laras** bahasa **sesuai** mengikut tugasan.
Kepujian	**55-63** (59-63) (55-58)	**Tugasan** ● Karangan **menjawab** tugasan. **Idea** ● Idea **relevan** mengikut tugasan. ● Huraian **jelas**. ● Contoh yang **sesuai**. **Bahasa** ● Penggunaan **pelbagai** jenis ayat yang **gramatis** tetapi terdapat **kesalahan** yang **minimum**. ● Penggunaan **pelbagai** jenis kata yang **luas.** ● Penggunaan kosa kata yang **luas** dan **tepat.** ● Ejaan dan tanda baca yang **betul**.

		● Penggunaan unsur bahasa **masih** bervariasi. ● Gaya bahasa **menarik** dari segi keindahan bahasa dan **penggunaan ungkapan** seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.
		Pengolahan ● Pengolahan **menarik** dan **berkesan**. ● Pemerengganan yang **sesuai.** ● Wacana **lengkap** dan terdapat kesinambungan yang **jelas** antara perenggan. ● **Laras** bahasa **sesuai** mengikut tugasan.
Baik	**45-54** (50-54) (45-49)	**Tugasan** ● Karangan **masih** menjawab tugasan. **Idea** ● Idea **masih** relevan mengikut tugasan. ● Huraian **masih** jelas. ● Contoh **masih** sesuai. **Bahasa** ● Penggunaan **pelbagai** jenis ayat yang **gramatis** tetapi terdapat **kesalahan** yang **minimum**. ● Penggunaan **pelbagai** jenis kata yang **sesuai.** ● Penggunaan kosa kata yang **umum.** ● Ejaan dan tanda baca yang **masih** betul. ● Penggunaan unsur bahasa **masih** bervariasi. ● Gaya bahasa **menarik** dari segi keindahan bahasa dan **penggunaan ungkapan** kurang berkesan. **Pengolahan** ● Pengolahan **masih** menarik. ● Pemerengganan **masih** sesuai. ● Wacana **masih** lengkap. ● Laras bahasa **sesuai** mengikut tugasan.
Memuaskan	**35-44** (40-44) (35-39)	**Tugasan** ● Karangan **masih / kurang** menjawab tugasan. **Idea** ● Idea **masih** relevan mengikut tugasan. ● Huraian **kurang** jelas. ● Contoh **kurang** sesuai.

		Bahasa ● Ayat **kurang** gramatis. ● Penggunaan **pelbagai** jenis kata yang **terhad.** ● Penggunaan kosa kata yang **umum** dan **terhad.** ● Ejaan dan tanda baca yang **betul** tetapi terdapat **kesalahan** yang **minimum**. ● Penggunaan unsur bahasa **kurang** bervariasi. ● Gaya bahasa **kurang** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **kurang** berkesan. **Pengolahan** ● Pengolahan **kurang** menarik. ● Pemerengganan **kurang** sesuai. ● Wacana **masih** / **kurang** lengkap. ● Laras bahasa **kurang** sesuai.
Penguasaan Minimum	**21-34** (28-34) (21-27)	**Tugasan** ● Karangan **kurang** menjawab tugasan. **Idea** ● Idea **masih** relevan mengikut tugasan / **bercampur aduk.** ● Huraian **tidak** jelas / **tidak** berkembang. ● Contoh yang **tidak** sesuai. **Bahasa** ● Ayat yang **tidak** gramatis tetapi **masih** difahami ● Penggunaan kata **kurang** tepat. ● Penggunaan kosa kata **umum** dan **terhad**. ● Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang **ketara**. ● Penggunaan unsur bahasa **tidak** bervariasi. ● Gaya bahasa **lemah** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. **Pengolahan** ● Pengolahan **tidak** menarik. ● Pemerengganan tidak sesuai / tidak seimbang. ● Wacana **tidak** lengkap.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	**1 - 20** (11 - 20) (1-10)	● **Keseluruhan** karangan **sukar** / **tidak** difahami ● Idea **tidak** relevan / **bercampur aduk** dan huraian **tidak** jelas / **tidak** berkembang serta contoh **tidak** sesuai.

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1 Puisi / lagu
2 Alamat
3 Tarikh
4 Nama Khas
5 Peribahasa
6 Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7 Penanda wacana
8 Tajuk (rencana/surat)
9 Kata Sendi ‘di sana’ dan ‘ke atas’
10 Angka